

TARIKH : 1 MAC 2022
 AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6

Lebih 536,000 tawaran kerja online

Lebih 536,000 tawaran kerja online

Kekosongan jawatan diiklankan meningkat lebih dua kali ganda pada tahun 2021

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memberitahu bahawa kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian meningkat lebih daripada dua kali ganda pada suku keempat tahun 2021 iaitu sebanyak 190,436, berbanding suku sama tahun sebelumnya.

Peningkatan jumlah tersebut diperolehi hasil Analisis Data Raya Job Market Insights dan My Job Profile: Lanskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia bagi suku ketiga dan keempat 2021.

Ketua Perangkaan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, bagaimanapun pada suku tahunan, jumlah tersebut menurun sedikit daripada 192,480 jawatan yang diiklankan pada suku ketiga 2021.

"Pada asas bulanan, bilangan jawatan kosong dalam talian yang diiklankan adalah tertinggi pada bulan Disember iaitu 76,193, manakala Oktober dan November masing-masing berjumlah 73,230 dan 41,013," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.



MOHD UZIR

Pada asas bulanan, bilangan jawatan kosong dalam talian yang diiklankan adalah tertinggi di bulan Disember pada 76,193, manakala Oktober dan November masing-masing berjumlah 73,230 dan 41,013."

Beliau berkata, jumlah pekerjaan yang diiklankan dalam talian sepanjang tahun 2021 turut meningkat lebih dua kali ganda daripada 221,384 pada tahun 2020 kepada 536,636 pada 2021.

Menurutnya, kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan pada suku keempat 2021 adalah untuk kategori profesional (43.1 pe-



LAPORAN MUKA DEPAN

Sektor perkhidmatan dan pembuatan paling banyak menawarkan pekerjaan pada suku keempat tahun 2021.

ratus), diikuti juruteknik dan profesional bersuku (18.4 peratus) dan pengurus (12.6 peratus).

"Mengikut susunan, lima pekerjaan paling popular yang ditawarkan semasa tempoh rujukan ialah profesional pengiklanan dan pemasaran, profesional bersuku pentadbiran, pengarah urusan dan ketua eksekutif, akauntan serta juruaudit dan pembangun perisian," katanya.

Dari perspektif sektor ekonomi pula, perkhidmatan dan pembuatan merupakan sektor yang paling banyak menawarkan pekerjaan pada suku keempat 2021.

"Tiga subsektor perkhidmatan tertinggi yang mengiklankan jawatan kosong tersebut ialah aktiviti perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor, profesional, saintifik dan teknikal serta kewangan dan insurans atau takaful," katanya.

Beliau menjelaskan, sejumlah lima pekerjaan paling hangat berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang diperlukan oleh majikan ialah juruteknik, pereka grafik, jurutera perisian, pengurus projek dan penyelia tapak.

"Dari segi kategori teknikal, pendidikan vokasional dan latihan (TVET), profesional pengiklanan dan pemasaran, profesional bersuku pentadbiran, pembangunan perisian, profesional pentadbiran dan kerani am pejabat adalah lima pekerjaan tertinggi yang ditawarkan pada suku keempat 2021," katanya.

Berdasarkan geografi, hampir tiga perempat daripada jumlah iklan pekerjaan dalam talian terutamanya di Kuala Lumpur sebanyak 80,478, diikuti Selangor (34,050), Johor (14,470), Pulau



Peningkatan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian pada suku ketiga dan keempat 2021 terutama perkhidmatan dan pembuatan memberi gambaran positif dalam perkembangan ekonomi negara.

Pinang (8,221) dan Melaka (3,668).

Sehubungan itu, Mohd Uzir merumuskan, peningkatan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian pada suku ketiga dan keempat 2021 terutama perkhidmatan dan pembuatan memberi gambaran yang positif dalam perkembangan ekonomi negara di mana mula bergerak dengan lebih cepat.

"Ini digambarkan oleh usaha syarikat-syarikat untuk memulih pekerjaan mereka bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan yang semakin berkembang."

"Perkembangan permintaan terhadap tenaga kerja ini juga adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Negara yang bertujuan mengurangkan impak pandemik, sekali gus memulihkan ekonomi negara," katanya.

PEKERJAAN PALING POPULAR

- Profesional pengiklanan dan pemasaran
- Profesional bersuku pentadbiran
- Pengarah urusan dan ketua eksekutif
- Akauntan dan juruaudit
- Pembangunan perisian

TAWARAN BIDANG SUBSEKTOR PERKHIDMATAN

- Borong dan runcit
- Pembaikan kenderaan bermotor
- Profesional
- Sainifik
- Kewangan
- Insurans dan takaful

LOKASI TUMPUAN PELUANG KERJA

- Kuala Lumpur (80,478)
- Selangor (34,050)
- Johor (14,470)
- Pulau Pinang (8,221)
- Melaka (3,668)

SASARAN 500,000 PELUANG PEKERJAAN BERJAYA DICAPAI BAGI 2021

ANTARA INISIATIF UTAMA

PENJAJAKERJAYA

- Jumlah PEKJAJA: 41,328 peratus (100%)
- 41,328 peratus (100%)
- 41,328 di sektor awam
- 91,148 di S.K. & sektor swasta

MYSTEP

- Jumlah peratus MYSTEP: 41,328 peratus (100%)
- 41,328 peratus (100%)
- 41,328 peratus (100%)
- 41,328 peratus (100%)

PERKESO

- Bilangan PERKESO: 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)

MYSTEP

- Bilangan MYSTEP: 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)
- 211,566 peratus (100%)

INISIATIF BELANJAWAN 2022

- 500,000 peluang pekerjaan
- 500,000 peluang pekerjaan
- 500,000 peluang pekerjaan
- 500,000 peluang pekerjaan